



MAJLIS BANDARAYA IPOH
ARAHAN KEWANGAN BIL 03 / 15

Fail Bil (50)dlm.MBI/B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

29 Januari 2015

Setiausaha Bandaraya /
Timbalan Setiausaha Bandaraya (P)/(T)/(O)
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan / Puan,

**PENGGUNAAN SISTEM MARRIS MELALUI SISTEM PERAKAUNAN
BERSEPADU PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT)**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian Tuan/Puan, kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan telah membuat penambahbaikan dalam sistem SPBT dengan mewujudkan satu modul baru iaitu Sistem MARRIS. Pembangunan sub modul ini adalah untuk memudahkan proses membuat Inden Kerja, BKK serta pemantauan perbelanjaan peruntukan MARRIS dengan lebih mudah dan berkesan. Ia juga akan memudahkan pihak Majlis untuk membuat pelarasan serta perancangan penggunaan peruntukan MARRIS mengikut keperluan jabatan yang terlibat secara lebih berkesan dan efisien.

3. Sehubungan itu, semua jabatan/bahagian/unit yang terlibat menguruskan peruntukan MARRIS hendaklah menggunakan sistem MARRIS melalui sistem SPBT ini. Pihak Jabatan berharap agar pihak Tuan/Puan akan memastikan anggota yang terlibat mengambil maklum dan melaksanakan Arahan ini yang berkuatkuasa 1 Januari 2015. Bersama-sama ini juga dilampirkan Proses Kerja yang terlibat bila menggunakan Sistem MARRIS-SPBT ini.

..2/-

-2-

4. Oleh yang demikian, kerjasama dan tindakan semua jabatan/bahagian/unit bagi perkara ini adalah sangat dihargai bagi memastikan kelancaran penggunaan Sistem MARRIS-SPBT ini dapat digunakan sepenuhnya serta meningkatkan lagi pemantauan dan juga perancangan penggunaan peruntukan MARRIS dengan lebih baik dan berhemah.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

'KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI'

Saya yang menurut perintah.


(DATO' HARUN BIN RAWH)
Datuk Bandar

**PROSES KERJA PENYELENGGARAAN AKAUN MARRIS
MENGUNAKAN SISTEM MARRIS – SPBT**

| | PROSES KERJA | TINDAKAN |
|----|---|-----------------------------|
| 1. | Daftar Inden MARRIS ataupun Inden Kerja Kontrak bagi MARRIS menggunakan sistem MARRIS- SPBT | PT (PTJ) masing-masing |
| 2. | Permohonan untuk Inden dihantar kepada Ketua untuk kelulusan melalui sistem. | Ketua Jabatan/Bahagian |
| 3. | Daftar permohonan untuk pembayaran menerusi Data Penyata Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya (SPEKS) | PT (PTJ) masing-masing |
| 4. | Cetak Baucer dan lampirkan dokumen sokongan. Hantar ke Unit Amanah. | PT (PTJ) masing-masing |
| 5. | Terima Baucer Bayaran berserta dokumen sokongan bayaran untuk dihantar ke Pejabat Kewangan Negeri | PT (Kew) Unit Amanah |
| 6. | Buat salinan baucer bayaran untuk simpanan Unit Amanah dan hantar Baucer Bayaran ke Pejabat Kewangan Negeri | PT (Kew) Unit Amanah |
| 7. | Buat semakan menerusi Data Penyata Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya (SPEKS) dan masukkan no baucer ke dalam sistem MARRIS - SPBT. | PT (Kew) Unit Amanah |
| 8. | Cetak Buku Kumpulan Wang di Bawah Kump. Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) di peringkat Majlis sebagai menyokong dan memastikan pembayaran yang telah dibuat di peringkat Pejabat Kewangan Negeri adalah betul. | PT (Kew) Unit Amanah |
| 9. | Buat semakan menerusi Data Penyata Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya (SPEKS) dan masukkan No Cek ke dalam sistem MARRIS - SPBT. | PT (Kew) Unit Amanah |